

# Bercanggah dengan yang asal Ada terombo ciptaan anak waris sendiri

10/2/89

Oleh

**BUSTAMAM AHMAD**

menyimpan salinan terombo asal, tetapi hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Undang.

"Tetapi kami yakin bahawa salinan terombo yang disimpan oleh sebahagian daripada anak-anak Waris Perut Ulu sekarang adalah ciptaan mereka sendiri dan bercanggah dengan isi kandungan terombo asal yang disimpan oleh Undang dan Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong.

"Bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan anak-anak Waris,

SEREMBAN, Selasa — Sekumpulan anak-anak Waris di Darat dan di Air Luak Sungai Ujong hari ini mendakwa salinan terombo asal luak itu yang disimpan oleh sebahagian anak-anak Waris Perut Ulu adalah 'terombo ciptaan mereka sendiri dan bercanggah dengan isi kandungan terombo asal'.

Mereka bagaimanapun mengakui bahawa anak-anak Waris memang dibenarkan

kami meminta mereka yang mendakwa ada menyimpan salinan terombo asal itu supaya mengumumkan isi kandungannya bagi mengesahkan kesahihannya," ujar seorang jurucakap yang mendakwa mewakili sebilangan besar anak-anak Waris Negeri Cerak di Darat dan di Air Luak Sungai Ujong di sini.

Beliau memberitahu Berita Harian, salah satu perbezaan yang paling ketara ialah berhubung nama Tok Kelambu atau Mohd Tambu iaitu keturunan yang berhak mewarisi pesaka Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong).

Menurut beliau, pihaknya tetap mempertahankan bahawa Tok Kelambu dan Tok Jebat adalah orang yang sama berdasarkan kepada isi kandungan terombo asal yang disimpan oleh Datuk Kelana dan Datuk Shahbandar.

"Tok Kelambu atau Mohd Tambu adalah sebenarnya Tok Jebat dan Inil telah disahkan oleh salasilah keturunan Waris Negeri yang dikarang oleh Raja Aman Raja Hussin.

"Salasilah itu telah disahkan oleh Allahyarham Datuk Kelana Makmur Datuk Menteri Kassim dan Allahyarham Datuk Shahbandar Haji Ahmad Haji Ali serta diajukan oleh Residen British pada 1922," katanya.

Inil bermakna anak-anak Waris di Darat dan di Air Luak Sungai Ujong berkemungkinan besar kini menyimpan salinan dua terombo yang berlainan isi kandungannya.

Difahamkan sebahagian daripada mereka menyimpan salinan Jural Telaga Undang manakala sebahagian lagi menyimpan salinan terombo asal luak itu. Isi kandungan kedua-duanya berbeza antara satu sama lain.

Sebelum ini, anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang mendakwa bahawa terombo asal luak itu telah dipalsukan oleh sekumpulan anak-anak Waris Perut Ulu dan menggantikannya dengan Jural Telaga Undang bagi kepentingan sendiri.